



MENJELANG 200 TAHUN KERAJAAN PERLIS DI BAWAH PEMERINTAHAN TUJUH ORANG RAJA: INSTITUSI RAJA PERLIS ANTARA KESINAMBUNGAN DAN PERUBAHAN¹

Yazid Mat¹, Hazman Hassan²

¹Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Perlis,
Mantan Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Perlis

²Universiti Utara Malaysia (UUM), Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Perlis

² hazman@uum.edu.my,

ABSTRAK

Berasal daripada sebuah daerah dalam Kesultanan Kedah, Kerajaan Perlis muncul sebagai sebuah Negeri Melayu yang termuda di Semenanjung. Penubuhan Wangsa Raja-raja Jamalullail di Perlis telah dipelopori oleh Syed Harun Ibni Syed Ahmad Jamalullail. Beliau adalah pembuka Mukim Arau dan dianugerahkan pangkat sebagai penghulunya yang pertama pada tahun 1798 oleh Sultan Dhiauddin Mukarram Shah II, Raja Muda Kayang dan Sultan Kedah kedua puluh satu. Selepas tahun 1839, anakanda Syed Harun yang menjadi Penghulu Arau yang kedua telah diperakukan oleh orang-orang Melayu Perlis sebagai raja mereka. Walau bagaimanapun baginda hanya ditabalkan menjadi Raja Perlis pertama oleh Raja Rama III pada tahun 1843. Raja Syed Hussein Ibni Syed Harun memerintah dari tahun 1843 sehingga tahun 1873. Takhta Kerajaan Perlis seterusnya diwarisi oleh Raja Syed Ahmad Ibni Syed Hussein Jamalullail dari tahun 1873 sehingga tahun 1897 sebagai Raja Perlis kedua. Raja Perlis ketiga adalah Raja Syed Safi Bin Syed Alwi Jamalullail. Baginda yang merupakan cucunda Raja Syed Ahmad telah memerintah mulai tahun 1897 sehingga tahun 1904. Raja Syed Safi digantikan oleh anakanda baginda, Raja Syed Alwi Jamalullail. Raja Perlis kelima ini menaiki takhta Kerajaan Perlis dari tahun 1905 sehingga tahun 1943. Akibat ketiadaan zuriat, cucunda saudara Raja Syed Alwi iaitu Syed Putra Ibni Syed Hassan Jamalullail telah dilantik sebagai Bakal Raja Perlis. Sungguhpun demikian, zaman pemerintahan Jepun menyaksikan Syed Putra diketepikan. Sebagai ganti, takhta Kerajaan Perlis diduduki oleh adinda sebapa Raja Syed Alwi yakni Raja Syed Hamzah Jamalullail. Raja Perlis kelima ini memerintah dari tahun 1943 sehingga tahun 1945. Pemulihan kuasa British selepas Peperangan Pasifik membolehkan hak Syed Putra ke atas takhta Kerajaan Perlis dikembalikan pada tahun 1945 itu juga. Walau bagaimanapun baginda hanya ditabalkan secara rasmi pada tahun 1949 sebagai Raja Perlis keenam. Duli Yang Maha Mulia Tuanku Syed Putra Ibni Syed Hassan Jamalullail bertakhta selama lima puluh lima tahun bermula dari tahun 1945 sehingga baginda mangkat pada tahun 2000. Mulai tahun 2000, putera Tuanku Syed Putra menaiki takhta Kerajaan Perlis sebagai Raja Perlis ketujuh. Baginda adalah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Tuanku Syed Putra Jamalullail yang memerintah sehingga ke hari ini. Raja Perlis ketujuh ini senantiasa didampingi dengan penuh setia oleh anakanda baginda yang menjadi Raja Muda Perlis, Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail. Menjelang 200 tahun Kerajaan Perlis, kertas ini memaparkan perjalanan dan perkembangan institusi Raja Perlis di bawah pemerintahan tujuh orang raja bermula dari tahun 1843 sehingga tahun 2014 ini.

¹ Ucaptama ini dibentangkan sempena Seminar Institusi Raja (SIRaj) 2014 : Raja Dan Kerajaan Perlis anjuran Pusat Kajian Institusi Raja Malaysia, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dari 12 sehingga 13 Jun 2014 bertempat di Kampus Tetap UNIMAP, Pauh Putra, Perlis, Malaysia.

PENDAHULUAN

Makalah ini ditulis demi memaparkan secara ringkas perjalanan dan perkembangan institusi Raja di Negeri Perlis menjelang 200 tahun, yang mana tujuh orang raja telah memerintah bermula dari tahun 1843 sehingga kini. Sumber utama kepada penulisan ini adalah buku '*Perlis Indera Kayangan: Sejarah Pembentukan Sebuah Negeri Berdaulat*' (1992) hasil tulisan Ahmad Ismail dan Yazid Mat. Selain itu, sumber-sumber lain juga dirujuk dan dikemukakan apabila relevan.

PENGENALAN NEGERI PERLIS

Penempatan pra-sejarah didapati sudah wujud di bumi Perlis sejak sekian lama. Fakta ini dibuktikan menerusi penemuan arkeologi di Gua Bukit Tegun Lembu, Mukim Beseri. Selain itu, penemuan arkeologi juga diperolehi di Gua Berhala dan Gua Kurong Batang yang masing-masing terletak di Mukim Wang Bintong. Penemuan ini mengisyaratkan kepercayaan manusia di kawasan tersebut yang dipengaruhi unsur-unsur Buddha Mahayana dan Hindu. Asal bermula nama Negeri Perlis banyak dikaitkan dengan tujuh hipotesis. Antaranya hipotesis bahawa nama Perlis dikatakan berasal daripada perkataan Siam *pro-lowy* yang bererti 'kelapa hanyut', daripada perkataan dialek Melayu Utara 'perelus' iaitu 'kaki termasuk ke dalam atau ke celah sesuatu', atau daripada nama Peran Leh yang dikatakan seorang peran atau pelawak mahsyur bernama Saleh. Selain itu, nama Perlis dikatakan juga bermula daripada perkataan 'peroleh' yang bermakna 'mendapat, sempena nama pembesar bergelar Tok Perlis dan dikaitkan dengan 'perlit' yang bererti batu.

Hipotesis ketujuh dikemukakan oleh Ahmad dan Yazid (1992). Mereka membawakan dua belas sebab mengapa nama Perlis lebih kukuh dikaitkan dengan nama sejenis pokok yang mungkin sudah pupus bernama Pokok Perlis. Oleh yang demikian daripada nama pokok ini telah diberi nama Sungai Perlis, Kuala Sungai Perlis, Kuala Perlis, Jajahan Perlis dan akhirnya Negeri Perlis. Perlis juga biasa disebut Kayang. Nama Kayang ini dipendekkan bersempena nama Kota Indera Kayangan yang diasaskan oleh Sultan Dhiauddin Al-Mukarram Shah I berhampiran Kuala Sungai Perlis. Baginda adalah Sultan Kedah yang kelima belas dan memerintah dari tahun 1661 sehingga 1687.

Perlis Dalam Kesultanan Kedah

Perlis akhirnya muncul sebagai daerah atau jajahan di bawah Kerajaan Kedah Tua dan kemudiannya Kesultanan Kedah. Seperti mana Kedah, daerah Perlis turut menghadapi pasang-surut antara puncak kekuasaan Kesultanan Kedah dengan cabaran kuasa-kuasa asing seperti Melaka, Aceh, Portugis, Belanda, Siam, Myanmar, Bugis, British dan Jepun. Perlis mula menjadi pusat pemerintahan Kesultanan Kedah apabila Sultan Kedah keempat belas membina Kota Sena. Sultan tersebut adalah Sultan Muhyiddin Mansur Syah Ibni Sultan Rijaluddin Muhammad Shah yang memerintah dari tahun 1653 sehingga 1661. Kota Sena yang menjadi asas kewujudan Bandar Kangar mula dibina oleh baginda pada tahun 1653 dan dikatakan siap pembinaannya dalam masa dua tahun. Sultan Muhyiddin Mansur Syah dikenali sebagai penduduk tempatan Perlis sebagai Marhum Sena dan makamnya kini berada di Tanah Perkuburan Tok Paduka, Kangar. Anakanda Sultan Muhyiddin Mansur Syah bergelar Sultan Dhiauddin Al-Mukarram Shah I. Sultan Kedah kelima belas ini memerintah dari tahun 1661 sehingga 1687. Sultan ini turut memilih Perlis sebagai pusat

pemerintahan Kesultanan Kedah apabila baginda mendirikan Kota Indera Kayangan di sebelah hilir Sungai Perlis. Penduduk setempat menggelar baginda sebagai Marhum Kayang I, sedangkan di Kedah baginda disebut juga sebagai Marhum Di Hilir atau Marhum Di Balai. Makam baginda kini berada di sekitar tapak kompleks Muzium Kota Kayang yang berhampiran dengan Kuala Perlis.

Pada era pemerintahan Sultan Abdullah Mukarram Syah, adinda baginda Tengku Dhiauddin Mukarram Shah telah memerintah Perlis sebagai Raja Muda Kayang. Ketika ini Raja Muda Kayang dan para pembesarnya membangunkan semula Kota Indera Kayangan. Kota Indera Kayangan II ini berlokasi di sekitar Kampung Langgar Kayang yang juga berhampiran dengan Kuala Perlis. Apabila Sultan Abdullah mangkat, anakandanya Tunku Pengeran dianggap terlalu muda untuk menjadi sultan. Dengan itu, para pembesar Kedah telah mengangkat Raja Muda Kayang sebagai Pemangku Sultan Kedah yang kedua puluh satu dengan gelaran Sultan Dhiauddin Mukarram Shah II. Baginda memerintah Kesultanan Kedah dengan Kota Indera Kayangan II menjadi pusat pemerintahan dari tahun 1798 sehingga 1803. Pada tahun 1803, Sultan Dhiauddin Mukarram Shah II turun takhta untuk memberikan laluan kepada Tunku Pangeran yang kemudiannya bergelar Sultan Ahmad Tajuddin II. Baginda kembali menjadi Raja Muda Kayang sehingga mangkat pada tahun 1813. Penduduk tempatan Perlis menggelarnya sebagai Marhum Kayang II dan makamnya berada di Kampung Langgar Kayang.

Semasa bertakhtanya Sultan Dhiauddin Mukarram Shah II, baginda telah menandatangani perjanjian dengan George Leith, Gabenor British di Pulau Pinang di mana Seberang Perai diserahkan kepada Kompeni Hindia Timur Inggeris. Dalam perjanjian ini, Sultan Dhiauddin disebut sebagai 'Raja Muda Perlis dan Kedah'. Perjanjian yang serupa menyebutkan nama Perlis dahulu daripada Kedah seperti 'Duli Raja Muda Perlis dan Kedah', 'di Perlis dan Kedah', 'ke Perlis dan Kedah' dan 'Negeri Perlis dan Kedah'. Justeru pemerintahan Sultan Dhiauddin Mukarram Shah II menjadikan Perlis sebagai negeri tersendiri dan istimewa bagaikan '*a state within state*' (negeri lain dalam sebuah negeri).

Penghulu Arau Pertama: Tuan Syed Harun Jamalullail (1798-1825)

Hazman dan Mohd Radzi (2013) menyebutkan: '... dalam aspek dinasti atau wangsa jurai keturunan raja-raja yang memerintah, wangsa Jamalullail Kerajaan Perlis bukanlah yang paling muda. Ini disebabkan wangsa Kesultanan Pahang pada hari ini adalah berketurunan Bendahara Wan Ahmad yang diisytiharkan sebagai Sultan Ahmad al-Muazzam Shah pada tahun 1884. Merujuk kepada wangsa Kesultanan Johor masa kini pula, jurai keturunannya dianggap bermula pada tahun 1885 apabila Temenggung Seri Maharaja Abu Bakar memasyhurkan diri baginda sebagai Sultan Johor'

Kewujudan wangsa Jamalullail khususnya dimulakan semenjak abad ke-15 Masehi oleh Muhammad Bin Hasan al-Muallim Bin Muhammad Asadillah Bin Hasan al-Turabi kelahiran Tarim. Tarim adalah sebuah bandar di Hadramaut yang kini berlokasi di Yaman. Walau bagaimanapun apabila nasab kabilah Jamalullail bersambung sehingga Fatimah Binti Muhammad iaitu puteri Rasulullah s.a.w, maka umur wangsa Jamalullail dapat disandarkan secara umumnya sebagai bermula semenjak keputeraan baginda Rasulullah s.a.w kira-kira 1488 tahun yang lampau.

Destini kabilah ini mula berubah apabila salah seorang keturunan Muhammad Bin Hasan al-Muallim yang bernama Syed Ahmad Jamalullail berhijrah ke Kedah pada tahun 1735. Pada tahun 1751, anakanda Syed Ahmad yang bernama Syed Harun Jamalullail telah berhijrah ke Cenak (Chana) yang kini termasuk dalam wilayah Singgora (Songkhla), Thailand. Akibat ancaman daripada Raja Singgora, Syed Harun Jamalullail dan para pengikutnya telah berpindah dari Cenak ke Kedah atau lebih tepat lagi ke daerah Perlis. Beliau telah mengasaskan Mukim Arau. Para pengikutnya pula membuka kampung di kawasan Padang Siding.

Sultan Dhiauddin Mukarram Shah II yang memerintah Perlis dan Kedah pada masa itu tertarik dengan keperibadian Syed Harun Jamalullail. Lalu baginda mengahwinkan puteri baginda bernama Tengku Sofiah dengan Syed Harun. Sebagai hadiah perkahwinan tersebut, baginda telah menganugerahkan Mukim Arau untuk ditadbir oleh Syed Harun dan keturunannya sebagai penghulu. Perkahwinan Penghulu Syed Harun Jamalullail dengan Tengku Sofiah tidak menghasilkan zuriat. Syed Harun berkahwin lagi dengan Wan Fatimah Binti Wan Abdul Rahman yang juga cucu kepada Dato' Johan Lela Perkasa. Dato' Johan Lela Perkasa adalah salah seorang pembesar yang berkhidmat di istana Sultan Dhiauddin Mukarram Shah II.

Hasil perkongsian hidup Penghulu Syed Harun Jamalullail dengan Wan Fatimah, mereka telah dikurniakan seorang anak yang dinamakan Syed Hussein pada tahun 1805. Syed Hussein ini turut dijaga dan dididik dengan adat-istiadat istana oleh bonda tirinya, Tengku Sofiah Binti Sultan Dhiauddin Mukarram Shah II. Demikian juga Sultan Dhiauddin Mukarram Shah II yang menganggap Syed Hussein bagaikan cucunda baginda sendiri.

Dalam tempoh Peperangan Kedah-Siam, Penghulu Syed Harun telah meninggal dunia pada tahun 1825. Anakandanya Syed Hussein menggantikan beliau sebagai Penghulu yang kedua bagi Mukim Arau.

Daerah Perlis Dinaik Taraf Kepada Negeri Bergabenor (1839-1843)

Perang Kedah-Siam yang berlaku antara tahun 1821 sehingga 1838 telah membuka jalan kepada tertubuhnya Kerajaan Perlis. Dalam suasana berkecamuknya perang inilah Syed Hussein dilantik menjadi Penghulu Mukim Arau yang kedua sebagai warisan daripada ayahandanya Penghulu Syed Harun Jamalullail. Penghulu Mukim Arau ini telah bersama-sama dengan seorang Kerabat DiRaja Kedah yakni Tunku Anum Paduka Jambangan dan pembesar lain mula merintis jalan penyelesaian kepada peperangan yang memakan ribuan korban tersebut. Mereka mengaplikasikan pendekatan diplomasi dan berkerjasama dengan Kerajaan Siam untuk menghentikan pertumpahan darah.

Di Bangkok, hasil cadangan Chao Phya Yommarat dan Phya Siphiphat, Raja Rama III merombak dan menyusun semula pentadbiran Kesultanan Kedah. Kerajaan Siam berhasrat supaya Negeri Melayu yang sedang bergolak itu dapat ditadbir oleh Kerabat DiRaja Kedah sendiri dan Pembesar Melayu yang dianggap lebih pro-Siam. Oleh itu Kesultanan Kedah dibahagikan kepada empat *muang* atau negeri yang baru. Empat *muang* tersebut adalah *Muang Saiburi* (Kedah), *Muang Kubang Pasu* (Kubang Pasu), *Muang Satun* (Setul) dan *Muang Polit* (Perlis) yang ditadbir oleh gabenor-gabenor yang berasingan. Oleh itu pada tahun 1839, selain menjadi Penghulu Mukim Arau, Syed Hussein dilantik menjadi Timbalan Gabenor kepada Raja Long Krok. Raja Long Krok atau Paduka Seri Maharaja Lela adalah Gabenor Perlis yang dilantik oleh Raja Rama III. Selepas Raja Long Krok

meninggal dunia, Syed Hussein pula yang dilantik sebagai Gabenor Perlis. Justeru tahun 1839 dianggap sebagai tahun bersejarah di mana Daerah Perlis dinaik taraf sebagai Negeri Perlis. Orang-orang Melayu khususnya di Arau telah memperakui Syed Hussein sebagai penghulu dan penaung mereka yang diiktiraf bertaraf gabenor oleh Raja Siam.

Raja Perlis Pertama : Raja Syed Hussein Jamalullail (1843-1873)

Pada tahun 1843, Raja Syed Hussein Jamalullail telah ditabal secara rasmi sebagai *Phya Polit* dalam bahasa Siam atau Raja Perlis dalam bahasa Melayu. Kepada baginda, Raja Rama III telah mengurniakan gelaran *Phya Songkram Ramu Wichit Wilis Asmara Phya Polit* atau boleh disingkatkan sebagai *Phya Polit*. Seterusnya kesemua Raja-raja Perlis yang ditabalkan oleh Raja Siam di Bangkok akan dikurniakan dengan gelaran ini. Raja Syed Hussein Jamalullail turut memulakan tradisi untuk Kerajaan Perlis menghantar ufti Bunga Emas, Bunga Perak serta persembahan-persembahan lain kepada Raja-raja Siam. Ufti ini dihantar setiap tiga tahun sekali bermula dari tahun 1845.

Pemerintahan Raja Syed Hussein Jamalullail dibantu oleh Raja Muda Syed Abdullah Ibni Syed Harun Jamalullail yang juga adinda baginda. Dato' Arau dilantik sebagai Perdana Menteri dengan gelaran Dato' Belat Seri Paduka Perdana Menteri. Di samping itu, pembesar-pembesar lainnya adalah Dato' Seri Lela Pahlawan Alang Kechik, Dato' Seri Indera Dewa Lahim, empat orang anak Dato' Arau dan Kadi Besar Syed Muhammad Ibni Syed Abdullah al-Haddad. Raja Syed Hussein Jamalullail memahsyurkan semula nama Indera Kayangan sebagai gelaran kepada Negeri Perlis. Nama ini diambil bersempena nama Kota Indera Kayangan Kedua di mana baginda telah dididik dan dibesarkan oleh Tengku Sofiah Binti Sultan Dhiauddin Mukarram Shah II. Di bawah pemerintahan baginda, Negeri Perlis telah dibahagikan kepada dua puluh dua mukim yang ditadbir oleh penghulu lantikan baginda. Dua puluh dua mukim tersebut adalah mukim Titi Tinggi, Beseri, Chuping, Paya, Padang Siding, Abi, Padang Pauh, Ngulang, Oran, Kurong Batang, Arau, Kechor, Sena, Sungai Adam, Kurong Anai, Jejawi, Kuala Perlis, Wang Bintong, Seriab, Kayang, Utan Aji dan Sanglang.

Pada tahun 1844, Negeri Perlis di bawah pemerintahan baginda berjaya mengharungi satu lagi kemelut. Kemelut yang dimaksudkan adalah pertikaian sempadan Perlis dengan Setul yang dipimpin oleh rajanya Tunku Muhammad Akib. Pada tahun 1859 pula, Negeri Kubang Pasu yang sama lahirnya dengan Negeri Perlis telah diturunkan statusnya kembali menjadi daerah dalam Kesultanan Kedah. Hal ini terjadi apabila mangkatnya Raja Kubang Pasu, Tunku Anum Paduka Jambangan diikuti perpecahan yang berlaku dalam kalangan pewaris takhta dan pembesar negeri. Apabila Kesultanan Kedah menuntut Kerajaan Siam mengembalikan Kubang Pasu kepada Kedah, permintaan ini telah ditunaikan oleh Raja Mongkut. Raja Syed Hussein mengambil iktibar daripada kejadian ini lalu baginda memperkuatkan lagi perpaduan dalam kalangan Kerabat DiRaja dan pembesar Perlis. Raja Syed Hussein mangkat pada tahun 1873 lalu digantikan oleh anakandanya Raja Syed Ahmad Jamalullail.

Raja Perlis Kedua: Raja Syed Ahmad Jamalullail (1873-1897)

Baginda adalah anakanda Raja Syed Hussein melalui perkongsian hidup dengan Che Sofiah Binti Dato' Arau. Raja Syed Ahmad telah berhasil mengatasi masalah pewaris takhta daripada jurai keturunan baginda. Hal ini terjadi apabila putera tunggal baginda, Syed Alwi telah meninggal dunia di Kuala Kedah pada tahun 1863. Sebagai ganti Raja Syed Ahmad dengan bijaksana telah menyusun strategi supaya cucunda baginda Syed Safi Ibni Syed Alwi diangkat sebagai pewaris takhta apabila baginda mangkat kelak.

Untuk mempersiapkan cucunda baginda sebagai Raja Perlis, Raja Syed Ahmad telah menghantar Syed Safi Ibni Syed Alwi untuk mendapat pendidikan di Kota Bangkok. Syed Safi turut berkesempatan bertugas sebagai *Mahat Let* atau 'Budak Raja' di Istana Bangkok. Hasilnya Syed Safi mahir bertutur dan menulis dalam bahasa Siam, arif berkenaan urusan pentadbiran serta lebih akrab dengan Kerajaan DiRaja Siam.

Pemerintahan Raja Syed Ahmad dibantu oleh pembesar-pembesar khasnya Kerabat DiRaja dan keturunan Dato' Arau. Syed Alwi Ibni Syed Hussein Jamalullail iaitu adinda baginda yang berlainan bonda dilantik sebagai Raja Muda. Tiga anak Dato' Arau yang menyerlah sebagai pembesar negeri adalah Dato' Seri Lela Indera Dewa Wan Din, Dato' Seri Lela Perkasa Che' Lanang dan Dato' Seri Lela Mahkota Wan Mat Saman. Selain itu baginda dibantu oleh Dato' Seri Lela Pahlawan Che Mat Saman Bin Dato' Seri Lela Pahlawan Alang Kechik serta Dato' Indera Jaya Wan Daud Bin Wan Muhammad Said. Di samping itu Raja Syed Ahmad dibantu oleh Che' Muhammad Saad Bin Haji Musa sebagai Penghulu Bendahari dan Haji Muhammad Bin Haji Abdul Latif sebagai Kadi Besar.

Pada tahun 1888, dengan daya usaha cucunda baginda Syed Safi, Sekolah Melayu Arau telah didirikan sebagai sekolah pertama di Negeri Perlis. Dalam tahun 1890-an, berlaku pertikaian sempadan antara Negeri Perlis dengan Negeri Kedah. Hal ini bermula apabila seorang Inggeris bernama Dunlop telah diperkenankan oleh Raja Syed Ahmad untuk membuka lombong arang batu di Bukit Arang. Walau bagaimanapun Tunku Yaakob putera Sultan Ahmad Tajuddin III melarang Dunlop mengerjakan lombong tersebut dengan alasan Bukit Arang adalah wilayah Kedah. Pertikaian ini diselesaikan dengan keputusan Raja Chulalongkorn yang berpihak kepada Kerajaan Perlis. Pada tahun 1897 Raja Syed Ahmad kembali ke rahmatullah. Cucunda baginda iaitu Syed Safi menaiki takhta Kerajaan Perlis.

Raja Perlis Ketiga : Raja Syed Safi Jamalullail (1897-1904)

Baginda adalah cucunda Raja Syed Ahmad. Ayahandanya Syed Alwi adalah hasil perkongsian hidup antara Raja Syed Ahmad dengan Syarifah Seha Binti Syed Muhammad al-Haddad. Bonda Raja Syed Safi adalah Wan Tam yang merupakan anakanda Dato' Paduka Laksamana Kedah Wan Ismail. Maka Wan Tam adalah bersaudara dengan Dato' Wan Mat Saman (Dato' Perdana Menteri Kedah) dan Sultanah Wan Hajar (bonda Sultan Abdul Hamid Halim Shah, Sultan Kedah).

Pemerintahan Raja Syed Safi diperkuat dengan perlantikan adindanya yang sebonda iaitu Syed Salim Ibni Syed Muhammad al-Jafri sebagai menteri kanan bergelar Luang Sakda. Selain itu baginda memperkenankan Syed Hassan Ibni Syed Alwi Jamalullail

dilantik sebagai Hakim Mahkamah Besar, Dato' Wan Teh Bin Dato' Arau sebagai Ketua Rakyat, Tengku Abdullah Bin Tengku Mat Saman sebagai Hakim Mahkamah Kecil, Syed Abdullah Ibni Syed Alwi Jamalullail sebagai Pemegang Khazanah dan Wang Negeri, Syed Abdullah Ibni Syed Ismail Jamalullail sebagai Penghulu Bunga Emas, Haji Kassim Bin Haji Ali sebagai Ketua Rakyat Di Tepi Laut dan Wan Ishak Bin Dato' Wan Daud sebagai Ketua Pejabat Tanah.

Pada tahun 1897, Kesultanan Kedah dengan inisiatif Dato' Perdana Menteri Wan Mat Saman dan Sultanah Wan Hajar cuba mengembalikan Negeri Perlis sebagai daerah dalam Kesultanan Kedah. Percubaan ini berlaku sebaik sahaja mangkatnya Raja Syed Ahmad Jamalullail. Meskipun disokong oleh Phya Tipkosa iaitu Pesuruhjaya Negeri-negeri Naungan Siam Sebelah Barat, tuntutan ini telah ditolak oleh Raja Chulalongkorn.

Seterusnya tanpa berputus asa, pihak Kesultanan Kedah mencuba lagi untuk menghilangkan identiti Perlis sebagai negeri yang tersendiri. Asas tuntutan ini didasarkan kepada pelaksanaan Sistem *Thesaphiban* oleh Kerajaan Siam. Melalui sistem ini, Sultan Abdul Hamid Halim Shah telah dilantik oleh Raja Chulalongkorn sebagai Pesuruhjaya *Monthon* Saiburi yang bertanggungjawab kepada Negeri Kedah, Negeri Perlis dan Negeri Setul mulai 17 Mei 1897. Justeru menerusi sistem ini, Kesultanan Kedah menganggap Perlis sudah dipulangkan kepada Kedah dan statusnya sebagai sebuah negeri dimansuhkan.

Untuk melancarkan pengembalian Negeri Perlis, pihak Kesultanan Kedah telah menghantar Syed Mansur al-Jafri ke Arau untuk menyelaraskan pentadbiran Perlis dengan Kedah. Untuk menghadapi situasi ini, Raja Syed Safi dan pembesar-pembesar Perlis telah mengambil tindakan memulaukan kerja-kerja pentadbiran yang dikemukakan oleh Syed Mansur. Dato' Perdana Menteri Wan Mat Saman turut datang sendiri ke Arau untuk mengemukakan tuntutan beliau. Meskipun begitu, tuntutan Kesultanan Kedah ini ditentang hebat oleh Raja Syed Safi Jamalullail yang bertegas menunjukkan Surat Tera dan alat kebesaran DiRaja yang dikurniakan kepada baginda oleh Raja Chulalongkorn. Walaupun tidak berlaku tindakan kekerasan atau pertumpahan darah, tuntutan ini sempat menimbulkan 'perang dingin' antara Kerajaan Perlis dengan Kesultanan Kedah.

Sebagai tindakbalas, Raja Syed Safi telah mengutuskan menterinya Syed Salim Ibni Syed Muhammad al-Jafri ke Bangkok untuk melaporkan tindak-tanduk pihak Kesultanan Kedah terhadap Kerajaan Perlis. Tidak cukup dengan itu, Raja Syed Safi turut membentangkan sendiri situasi yang berlaku ketika baginda menghadap Raja Chulalongkorn, iaitu semasa Maharaja Siam ini singgah di Pulau Pinang sekembalinya dari lawatan ke Eropah.

Sebagai penyelesaian kepada isu tuntutan Kesultanan Kedah terhadap Negeri Perlis ini, Raja Chulalongkorn telah mengeluarkan sepucuk surat yang mengesahkan hak Raja Syed Safi dan Wangsa Jamalullail kepada Takhta Kerajaan Perlis. Peristiwa ini berlaku pada awal tahun 1898. Kemudian pada awal tahun 1899, Raja Syed Safi telah menerima cap mohor yang baru daripada Raja Chulalongkorn. Pengurniaan cap mohor ini disokong kuat oleh Putera Damrong Rajanuphab selaku Pesuruhjaya Negeri-negeri Naungan Siam ketika itu. Oleh yang demikian pengurniaan cap mohor ini telah menamatkan episod tuntutan Kesultanan Kedah terhadap Negeri Perlis.

Pada awal zaman pemerintahan baginda, telah berlaku pertikaian sempadan antara Negeri Perlis dengan Setul yang ditadbir oleh Ku Din Bin Ku Meh. Pertikaian sempadan ini diselesaikan oleh Kerajaan Siam menerusi pembinaan tembok tanah berhampiran Puju, di utara Kampung Wai, Kuala Perlis. Tembok ini berfungsi sebagai pembatas antara kedua-dua negeri ini.

Raja Syed Safi Jamalullail memang berjasa besar kepada pembangunan prasarana Negeri Perlis. Menerusi sistem kerah, baginda telah menggembeng tenaga rakyat Perlis untuk membina jalan raya dan terusan di negeri ini. Antara jalan yang berjaya dibina dengan pendekatan ini ialah Jalan Perlis-Kedah melalui Kodiang, Jalan Arau-Kangar, Jalan Kangar-Tebing Tinggi dan Jalan Kangar-Sanglang melalui Simpang Empat. Baginda turut berjasa membina tali air bernama Terusan Arau atau disebut juga Sungai Raja yang bermula dari Guar Sanji, melalui Tambun Tulang, Simpang Empat sehingga ke Sungai Baru.

Wawasan dan pandangan jauh Raja Syed Safi adalah supaya penempatan rakyat dan kawasan pertanian baru dapat diwujudkan di kanan-kiri jalan raya dan terusan yang baginda bangunkan. Sumbangan baginda mendapat pengiktirafan daripada Penasihat British Perlis yang melaporkan: '*The late Raja was a great road builder and all the existing roads were due to his energy in that direction*' [Raja terdahulu (iaitu Raja Syed Safi) adalah seorang pembina jalan raya yang hebat dan sehubungan dengan ini semua jalan yang wujud adalah hasil usaha baginda]. Baginda turut menaik taraf cara berniaga dan meningkatkan ekonomi orang Melayu Perlis. Hal ini dilakukan dengan pembinaan sebuah pasar tetap yang dinamakan 'Pekan Baru' di Kangar dan lebih terkenal dengan sebutan *Market* Kangar. Sebelum pembinaan pasar ini, orang Melayu hanya berniaga di pekan-pekan sehari yang dipanggil *Nat*.

Dalam sektor pendidikan, Raja Syed Safi telah meningkatkan usaha-usaha yang dimulakan semasa baginda menjadi Pemangku Raja kepada nendanya dahulu. Dengan titah baginda, Haji Kassim Bin Haji Ali dan Haji Salleh Bin Hassan telah mendirikan sekolah di Kangar pada tahun 1898. Pada tahun 1903 pula, sebuah sekolah di Kuala Perlis telah diasaskan oleh Penghulu Mohd. Said Bin Haji Awang. Berbeza dengan baginda sendiri yang mendapat pendidikan melalui sistem Siam, Raja Syed Safi menghantar putera-puteranya belajar di Sekolah Inggeris. Oleh itu putera-putera baginda seperti Syed Alwi dan Syed Hamzah dihantar belajar di Pulau Pinang khususnya di Penang Free School.

Dalam aspek busana dan pemakaian, Raja Syed Safi Jamalullail mempopularkan pakaian ala Barat di Perlis. Raja Syed Safi dan para pembesar Perlis memadankan seluar dan baju kot ala Barat dengan pemakaian songkok. Di bidang hiburan dan kesenian tradisional, Raja Syed Safi telah menitahkan pembukaan sebuah pekan baru di Kampung Paya. Pekan ini dijadikan taman hiburan yang dibuka setahun sekali iaitu selepas selesai rakyat menuai padi. Untuk menghiburkan rakyat Perlis, banyak persembahan kebudayaan telah dipertunjukkan di sini. Sebuah istana yang dinamakan *Tandiap* turut didirikan untuk baginda bersemayam sementara baginda berhenti rehat di pekan baru ini. Raja Syed Safi mangkat pada tahun 1904. Baginda digantikan oleh anakandanya Syed Alwi.

Raja Perlis Keempat : Raja Syed Alwi Jamalullail (1905-1943)

Raja Syed Alwi Jamalullail adalah putera Raja Syed Safi dengan Che Wan Saadiah. Nama asal Che Wan Saadiah adalah Michu yang merupakan anak keluarga Perdana Menteri Kerajaan Siam yang digelar Kelahom. Awal pemerintahan Raja Syed Alwi menyaksikan baginda masih mengekalkan perkhidmatan pembesar-pembesar lantikan ayahanda baginda seperti Syed Salim al-Jafri, Syed Hassan Ibni Syed Alwi, Dato' Wan Teh Bin Dato' Arau, Tengku Abdullah Bin Tengku Mat Saman, Syed Abdullah Ibni Syed Alwi, Syed Abdullah Ibni Syed Ismail, Haji Kassim Bin Haji Ali dan Wan Ishak Bin Dato' Wan Daud. Baginda telah melantik adinda baginda yang berlainan bonda, Syed Mahmud Ibni Syed Safi Jamalullail sebagai Raja Muda Perlis.

Awal pemerintahan baginda menyaksikan Kerajaan Perlis mengalami kemerosotan sumber kewangan. Raja Syed Alwi memutuskan untuk meminjam wang berjumlah 230,000.00 ringgit daripada Kerajaan Siam. Hasrat ini dimeterai menerusi Perjanjian Hutang Perlis-Siam pada 4 Oktober 1905. Antara syarat-syarat perjanjian ini ialah Kerajaan Perlis mesti menerima seorang Penasihat Kewangan untuk ditempatkan di Perlis. Oleh itu, seorang pegawai British bernama A.H. Duke telah dihantar oleh Kerajaan Siam sebagai Penasihat Kewangan kepada Kerajaan Perlis. Krisis kewangan negeri nampaknya belum berakhir walaupun Kerajaan Perlis telah meminjam wang daripada Kerajaan Siam. Pinjaman tambahan sejumlah 150,000.00 ringgit lagi telah dimohon oleh Kerajaan Perlis dan diluluskan oleh Kerajaan Siam. Maka Perjanjian Hutang Perlis-Siam Kedua telah ditandatangani pada 25 Februari 1907.

Pada zaman pemerintahan Raja Syed Alwi juga menyaksikan Perlis State Council atau Majlis Mesyuarat Kerajaan Perlis ditubuhkan, di mana baginda sendiri menjadi pengerusi. Penasihat Kewangan British menjadi setiausaha majlis. Beberapa orang pembesar negeri turut dilantik menganggotainya. Mesyuarat kali pertama Majlis Mesyuarat Kerajaan Perlis telah diadakan pada 18 November 1905. Walau bagaimanapun keahlian majlis ini seterusnya silih berganti selaras dengan perubahan masa dan keperluan.

Pada 10 Mac 1909, Perjanjian Bangkok telah ditandatangani secara dua pihak antara Kerajaan British dengan Kerajaan Siam. Melalui perjanjian ini, Negeri Perlis bersama-sama Kedah, Kelantan dan Terengganu telah diserahkan oleh Kerajaan Siam kepada Kerajaan British. Semenjak itu Kerajaan Perlis mula dinaungi secara tidak rasmi oleh British dan tidak lagi berada di bawah naungan Siam.

Selepas Perjanjian Bangkok 1909, baki hutang Kerajaan Perlis kepada Kerajaan Siam telah ditanggung oleh Kerajaan Negeri-negeri Melayu Bersekutu (Perak, Pahang, Negeri Sembilan dan Selangor). Sementara itu, secara ansuran Kerajaan Perlis membayar balik wang yang ditampung oleh Kerajaan Negeri-negeri Melayu Bersekutu sehingga selesai pada tahun 1929. Setelah selesai urusan pembayaran hutang, baharulah Kerajaan British bersetuju menaungi Negeri Perlis secara rasmi. Justeru pada 28 April 1930 suatu Perjanjian Perlis-British telah ditandatangani bagi menzahirkan tujuan ini.

Perjanjian Bangkok 1909 memberi kuasa kepada British untuk menghantar Pegawai Penasihat untuk menasihati Raja Syed Alwi dalam semua urusan kecuali berkenaan Agama Islam dan adat-istiadat Melayu. Penasihat British pertama yang dihantar ke Perlis adalah

Meadow Frost yang mula berkhidmat pada 15 Julai 1909. Penasihat-penasihat British lain yang pernah berkhidmat di Negeri Perlis adalah J.G Richey, H.C Eckhardt, E.W.N Wyatt, T.W Clayton, J.W.W Hughes, P.S Williams, L.A Allen, M.C Hay, O.E Venables, C.R Howitt, C.W Dawson dan E.V.G Day. Cavendish dan C.M Laidlaw pula pernah memegang jawatan Pemangku Penasihat British Perlis.

Semasa zaman pemerintahan Raja Syed Alwi ini, garis sempadan Negeri Perlis yang terpakai hingga ke hari ini telah dimuktamadkan. Hasil proses penyukatan dan penandaan sempadan Perlis dengan Setul, Kerajaan Perlis telah kehilangan kawasan Puju yang dimasukkan ke dalam wilayah Setul, Thailand. Sebelumnya Puju ditadbir oleh Kerajaan Perlis melalui Penghulu Kuala Perlis. Selain itu, sempadan baru Perlis-Kedah pula dimuktamadkan dengan kerja-kerja pengukuran sempadan pada tahun 1913.

Raja Syed Alwi telah menambahkan usaha permodenan pentadbiran Negeri Perlis yang dimulakan oleh Raja Syed Safi sebelumnya. Agensi Kerajaan Negeri yang ditubuh dan dinaik taraf pada zaman pemerintahan baginda adalah Pejabat Raja dan Penasihat, Pejabat Audit, Pejabat Hasil dan Cukai, Mahkamah Rayuan, Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rendah, Mahkamah Kadi, Balai Polis, Perbendaharaan Negeri, Pejabat Tanah, Pejabat Pelajaran, Penjara dan lain-lain.

Raja Syed Alwi melanjutkan lagi usaha membangunkan Negeri Perlis. Pada zaman pemerintahan baginda, Jalan Kangar-Arau dan Jalan Kangar-Tasoh telah diturap. Perkhidmatan keretapi yang menghubungkan Perlis dengan Siam dan juga dengan negeri-negeri lain di Tanah Melayu telah dimulakan pada tahun 1916 dengan perkenan baginda. Demikian juga permulaan bekalan air paip sekitar Bandar Kangar, Jawatankuasa Pelajaran, Syarikat Kerjasama atau Koperasi, Sanitary Board atau Lembaga Kebersihan, Sistem Pungutan Zakat dan Fitrah, Pameran Pertanian Negeri, Pasukan Pengakap serta Perlis Volunteer Force diwujudkan pada zaman pemerintahan baginda. Mercutanda bersejarah Negeri Perlis yang masih kekal sehingga hari ini antaranya Masjid Alwi, Ibu Pejabat Kerajaan Negeri Perlis (bangunan menara jam), al-Madrasah al-Alawiyah al-Diniyyah dan Istana Arau juga dibina di zaman Raja Syed Alwi.

Molek juga dinyatakan bahawa Raja Syed Alwi merupakan Raja Perlis yang terakhir mempersembahkan ufti Bunga Emas kepada Raja Siam. Baginda juga merupakan satu-satunya Raja Perlis yang mempersembahkan ufti Bunga Emas kepada Raja England. Beberapa pingat kebesaran seperti C.B.E, C.M.G dan K.B.E telah dianugerahkan oleh Kerajaan British kepada baginda.

Disebabkan Raja Syed Alwi tidak memiliki zuriat, Majlis Mesyuarat Kerajaan Perlis yang bersidang pada 6 Disember 1934 membincangkan berkenaan Bakal Raja yang akan menggantikan Raja Syed Alwi kelak. Keputusannya Majlis bersetuju mengangkat anakanda saudara Raja Syed Alwi iaitu Syed Hassan Ibni Syed Mahmud Ibni Syed Safi Jamalullail sebagai Bakal Raja Perlis. Apabila Syed Hassan mangkat pada 18 Ogos 1935, Perlis telah kehilangan Bakal Rajanya. Oleh yang demikian Majlis yang bersidang pada 30 April 1938 telah bermuafakat untuk mengangkat anakanda Syed Hassan yang bernama Syed Putra sebagai Bakal Raja Perlis.

Dalam suasana kekalutan Negeri Perlis akibat Perang Dunia Kedua atau biasa disebut juga Perang Jepun, Raja Syed Alwi mangkat pada 2 Februari 1943. Tidak seperti

yang diputuskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Perlis, adinda seayahanda Raja Syed Alwi iaitu Syed Hamzah pula yang diangkat menjadi Raja Perlis oleh pihak berkuasa Jepun.

Raja Perlis Kelima: Raja Syed Hamzah Jamalullail (1943-1945)

Baginda adalah putera Raja Syed Safi dengan Che Shamsiah Binti Lebai Mat Amin. Ini bermakna baginda adalah saudara seayahanda dengan Raja Syed Alwi. Selepas kemangkatan Raja Muda Syed Mahmud Ibni Syed Safi Jamalullail, baginda mula aktif membantu urusan pentadbiran Negeri Perlis dengan menjadi Naib Presiden Majlis Mesyuarat Kerajaan Perlis. Syed Hamzah juga bertindak sebagai pengerusi kepada beberapa jawatankuasa di bawah Kerajaan Perlis, antaranya Jawatankuasa Pelajaran Negeri Perlis.

Pada 12 Disember 1941, tentera Jepun telah memasuki Negeri Perlis diketuai oleh Kapten E. Hirota. Memandangkan ketika itu Raja Syed Alwi berada di luar Negeri Perlis, Kapten E. Hirota telah mengarahkan Syed Hamzah menubuhkan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perlis yang dinaungi oleh Kerajaan Militari Jepun. Dalam majlis ini Syed Hamzah sendiri yang bertindak sebagai presidennya, seolah-olah baginda benar-benar menjadi Raja Perlis yang baru. Apabila Raja Syed Alwi berangkat balik ke Perlis, baginda mengambil kembali jawatan Presiden Majlis Mesyuarat Kerajaan Perlis. Syed Hamzah pula kembali ke kedudukan Naib Presiden. Walaupun demikian, dengan sokongan Kerajaan Jepun, pada 11 Januari 1942 telah dikeluarkan perisytiharan yang melucutkan kedudukan Syed Putra Ibni Syed Hassan sebagai Bakal Raja Perlis. Serentak dengan itu perisytiharan yang sama memahsyurkan Syed Hamzah sebagai Bakal Raja Perlis yang baru.

Semenjak April 1943, Kerajaan Jepun mula mengamalkan dasar pengiktirafan rasmi kepada kuasa Raja-raja Melayu. Dengan kemangkatan Raja Syed Alwi, Syed Hamzah diangkat sebagai Raja Perlis oleh pihak berkuasa Jepun. Zaman pemerintahan Raja Syed Hamzah adalah sinonim dengan zaman Jepun di mana penderitaan bermaharajalela. Kebuluran merebak, harga barang-barang melambung tinggi dan hasil padi dirampas oleh Tentera Jepun. Perusahaan getah dan perlombongan bijih timah tergendala. Pendidikan yang diteruskan di sekolah-sekolah diubah orientasinya kepada pengagungan Jepun sebagai 'Pelindung Bangsa Asia, Pemimpin Bangsa Asia dan Cahaya Asia'. Sebagai balasan kepada Kerajaan Siam di bawah pimpinan Perdana Menteri Phibun Songkhram yang memberikan kerjasama penuh sehingga penaklukan Jepun ke atas Tanah Melayu mendapat kejayaan besar, Negeri-negeri Melayu Utara Semenanjung dikembalikan kepada pentadbiran Kerajaan Siam. Tanpa persetujuan Majlis Mesyuarat Kerajaan Perlis pun, negeri ini bersama-sama Kedah, Kelantan dan Terengganu telah diserahkan semula oleh Kerajaan Jepun kepada Kerajaan Siam untuk ditadbir sebagai '*caretaker government*'. Kesemua negeri-negeri ini diletakkan di bawah pentadbiran seorang Pesuruhjaya Tinggi Tentera Siam yang bertanggungjawab kepada semua urusan kecuali Agama Islam dan adat-istiadat Melayu. Beliau digelar *Khaluang Tahan Besar* dan beribu pejabat di Alor Setar. Di Perlis, ditempatkan seorang pembantu *Khaluang Tahan Besar* dengan gelaran *Khaluang Tahan Phra' Chamrat*.

Kerajaan Siam memanggil Majlis Mesyuarat Kerajaan Perlis sebagai *Muntri Spa Perlis*. Raja Syed Hamzah menjadi Pengerusi *Muntri Spa Perlis* manakala pembesar-

pembesar Perlis yang lain menjadi ahlinya. Baginda bertanggungjawab kepada *Khaluang Tahan Besar* dan *Khaluang Tahan Phra' Chamrat*. Pegawai-pegawai Siam yang ditempatkan di Perlis kebanyakannya kurang mahir, kurang berdisiplin dan buruk perangai. Ada pula askar-askar Siam yang merayau di kampung-kampung dengan menjalankan kegiatan mencuri, menceroboh dan mengganas bagi membiayai aktiviti perjudi dan minum arak mereka. Walaupun ditadbir oleh Kerajaan Siam, Tentera Jepun masih terus ditempatkan di beberapa kawasan strategik sekitar Negeri Perlis.

Apabila Jepun menyerah kalah pada 15 September 1945, satu lagi malapetaka menimpa Negeri Perlis sebelum British benar-benar kembali berkuasa. Malapetaka yang dimaksudkan adalah bermaharajalelanya Bintang Tiga selama seminggu di Perlis. Bintang Tiga atau nama penuhnya Malayan People Anti-Japanese Army (MPAJA) dianggotai oleh majoriti ahli-ahli yang terdiri daripada etnik Cina. Kumpulan ini mengganas dengan membunuh dan membalas dendam terhadap orang-orang Melayu yang dituduh sebagai tali-barut Jepun. Pentadbiran Tentera British atau British Military Administration (BMA) mula dilaksanakan di Perlis dengan pimpinan Mejar D. Burr. Sesudah itu barulah Penasihat British iaitu E.V.G Day sampai ke negeri ini. Walau bagaimanapun BMA yang diketuai oleh Lord Mountbatten enggan mengiktiraf status Syed Hamzah sebagai Raja Perlis.

Sebaliknya British berusaha memulihkan kembali kedudukan Syed Putra yang dilantik sebagai Bakal Raja Perlis pada 30 April 1938. Dengan itu, Raja Syed Hamzah dikehendaki turun takhta. Baginda meninggalkan Istana Arau untuk berpindah ke Setul dan kemudiannya beralih ke Alor Setar sehingga akhir hayatnya. Pada tahun 1958, Syed Hamzah Ibni Syed Safi kembali ke Rahmatullah.

Raja Perlis Keenam : DYMM Tuanku Syed Putra Jamalullail (1945-2000)

Baginda adalah putera kepada Syed Hassan Ibni Syed Mahmud Jamalullail dengan isterinya Puan Wan Teh Binti Endut. Di sebelah ayahandanya, baginda adalah cucunda saudara kepada Raja Syed Alwi (Raja Perlis keempat) dan cicit kepada Raja Syed Safi (Raja Perlis ketiga). Dalam zaman pemerintahan Raja Syed Alwi, baginda dilantik sebagai Bakal Raja Perlis pada 30 April 1938. Baginda pernah diketepikan daripada mewarisi takhta Kerajaan Perlis.

Walaupun begitu, kedatangan semula British selepas berakhirnya Perang Dunia Kedua telah menyaksikan baginda diangkat semula sebagai Raja Perlis keenam, pada 4 Disember 1945. Meskipun demikian DYMM Tuanku Syed Putra hanya dapat ditabalkan secara rasmi pada 12 Mac 1949. Sir Henry Gurney, Pesuruhjaya Tinggi British bagi Persekutuan Tanah Melayu, turut hadir sebagai wakil kepada Raja England. Sebaik sahaja baginda diperakukan sebagai Raja Perlis yang sah, baginda terus dihadapkan dengan dugaan yang sangat besar. Hal ini berlaku apabila baginda dipaksa menandatangani Perjanjian Malayan Union oleh Sir Harold Mac Michael, wakil Kerajaan British. Baginda didesak untuk menyerahkan kedaulatan Kerajaan Perlis, namun baginda menolak. Tambahan pula kandungan Perjanjian Malayan Union amat bertentangan dengan Perjanjian Perlis-British 1930 yang telah dimeterai terlebih dahulu oleh Raja Syed Alwi. Dalam situasi ini, baginda didampingi oleh para pembesar negeri seperti Haji Ahmad Mohamad, Wan Ahmad Wan Daud dan Syeikh Ahmad Mohd. Hashim yang turut memprotes tindakan Mac Michael. Akhirnya baginda diugut oleh Mac Michael mengatakan British masih boleh mendapatkan tandatangan daripada individu lain dengan cara menurunkan baginda

daripada takhta Kerajaan Perlis. Dengan berat hati, DYMM Tuanku Syed Putra menurunkan juga tandatangan ke atas Perjanjian Malayan Union. Walaupun begitu, baginda dengan serta-merta mengiriskan bantahan kepada Kerajaan British di London oleh sebab baginda dipaksa menurunkan tandatangan oleh Mac Michael. Bersama-sama dengan Raja-raja Melayu yang lain, baginda telah memulaukan upacara perlantikan Sir Edward Gent sebagai Gabenor Malayan Union sebagai tanda protes.

DYMM Tuanku Syed Putra diberikan sokongan padu oleh orang Melayu Perlis dalam penentangan terhadap Malayan Union. Kesedaran politik orang Melayu Perlis bertambah sistematik menerusi penubuhan Kelab Indera Kayangan. Nasionalisme Melayu Perlis mencapai kemuncaknya apabila Persatuan Melayu Perlis ditubuhkan untuk membela kepentingan sosio-ekonomi dan politik orang Melayu. Persatuan Melayu Perlis telah bergabung bersama dengan pertubuhan-pertubuhan Melayu yang lain dari seluruh Semenanjung sehingga tertubuhnya UMNO. Justeru menerusi UMNO Pusat dan juga UMNO Perlis, anak-anak watan Perlis menentang gagasan Malayan Union untuk mengembalikan kedaulatan Raja mereka. Matlamat ini tercapai apabila Perlembagaan Malayan Union digantikan dengan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu pada 1 Februari 1948.

Dengan penubuhan Persekutuan Tanah Melayu, kedaulatan baginda diserahkan kembali oleh Kerajaan British. Pemerintahan baginda mendapat seorang pegawai Melayu daripada Perkhidmatan Awam Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu. Pegawai ini digelar Menteri Besar yang mengetuai pentadbiran negeri bagi pihak baginda. Penasihat British Perlis pun diturunkan tarafnya di bawah Menteri Besar Perlis. Maka mulai 1 Februari 1948, Raja Haji Ahmad Bin Raja Endut dilantik sebagai Menteri Besar Perlis yang pertama. Pada 31 Januari 1957, Perlis mendapat Menteri Besar kedua iaitu Dato' Laksamana Mohd. Razali Bin Mohd. Ali Wasi. Dato' Laksamana Mohd. Razali berkhidmat sehingga 30 April 1959 sebagai Menteri Besar Perlis.

Dengan kemenangan Perikatan UMNO-MCA-MIC Perlis dalam Pilihanraya Kedua pada Julai 1959, pemerintahan baginda mendapat Menteri Besar ketiga iaitu Tan Sri Syeikh Ahmad Bin Mohd. Hashim. Beliau bukan seperti dua Menteri Besar Perlis sebelumnya yang merupakan pegawai perkhidmatan awam. Sebaliknya Tan Sri Syeikh Ahmad merupakan Menteri Besar Perlis pertama yang dilantik dalam kalangan tokoh politik yang bertanding dalam pilihanraya. Tan Sri Syeikh Ahmad berkhidmat sehingga 31 Disember 1971. Seterusnya pemerintahan baginda telah dibantu oleh Menteri Besar Perlis keempat iaitu Dato' Jaafar Hassan (yang berkhidmat dari 1972 sehingga 1981), Menteri Besar kelima iaitu Dato' Ali Ahmad (1981-1986), Menteri Besar keenam iaitu Tan Sri Dr. Abdul Hamid Pawanteh (1986-1995) dan Menteri besar ketujuh yakni Dato' Seri Dr. Shahidan Kassim (1995-2008).

Raja Perlis keenam ini turut mengasaskan perlembagaan Negeri Perlis yang pertama disebut sebagai Undang-undang Tubuh Kerajaan Perlis pada 1 Februari 1948. Inilah dokumen yang dianggap sebagai Perlembagaan Bertulis bagi Kerajaan Perlis buat julung-julung kalinya. Di dalamnya terkandung 78 perkara, yang antara terpentingnya adalah garis panduan pemerintahan baginda sebagai Raja Berperlembagaan. Undang-undang Tubuh Kerajaan Perlis ini selesai disempurnakan pada 26 Mac 1959. Upacara pengurniaan dan penetapan undang-undang tubuh ini turut disaksi dan ditandatangani oleh

lima orang pembesar Perlis iaitu Syed Hussein Ibni Syed Zain Jamalullail (Wakil Raja), Dato' Laksamana Mohd. Razali Bin Mohd. Ali Wasi (Menteri Besar), Haji Ahmad Muhammad, Wan Ahmad Bin Wan Daud dan Syeikh Ahmad Mohd. Hashim.

DYMM Tuanku Syed Putra turut berjasa besar mengkanunkan dan mengembangkan lagi Agama Islam Ahli Sunnah Wal Jama'ah sebagai agama bagi Negeri Perlis. Ini telah ditegaskan dalam Perkara 5 Undang-undang Tubuh Kerajaan Perlis yang dikurniakan oleh baginda. Justeru pada zaman pemerintahan baginda, segala perkara berkaitan Agama Islam dan adat istiadat Melayu di Negeri Perlis telah diselaraskan menurut tuntutan manhaj Ahli Sunnah Wal Jama'ah dalam Perkara 5 ini.

Pada bulan April 1960, DYMM Tuanku Syed Putra dilantik sebagai Timbalan Yang di-Pertuan Agong oleh Majlis Raja-raja Melayu. Apabila Yang di-Pertuan Agong iaitu Sultan Hishamuddin Alam Shah dari Selangor sedang gering, baginda dilantik sebagai Pemangku Yang di-Pertuan Agong. Tugas ini dijalankan oleh baginda dari bulan Julai sehingga Ogos 1960. Untuk menjalankan pemerintahan Kerajaan Perlis, baginda telah memperkenankan sebuah Jemaah Pemangku Raja dilantik menurut Undang-undang Tubuh Kerajaan Perlis. Pada 7 Ogos 1960, jemaah ini dilantik dengan dianggotai oleh Dr. Syed Mahmood Ibni Syed Hussain Jamalullail (Yang Dipertua Jemaah Pemangku Raja), Haji Ahmad Bin Muhammad dan Syed Hussain Ibni Syed Zain Jamalullail.

Ekoran kemangkatan Yang di-Pertuan Agong pada 21 September 1960, DYMM Tuanku Syed Putra telah dipilih oleh Majlis Raja-raja Melayu sebagai Yang di-Pertuan Agong yang ketiga. Oleh yang demikian, sebuah lagi Jemaah Pemangku Raja dilantik pada tarikh yang sama. Kali ini Jemaah Pemangku Raja Perlis dianggotai oleh Dr. Syed Mahmood Ibni Syed Hussain Jamalullail (Yang Dipertua Jemaah Pemangku Raja), Haji Ahmad Bin Muhammad, Syed Hussain Ibni Syed Zain Jamalullail dan Syed Abu Bakar Ibni Syed Hussain al-Jafri. Selepas dua tahun Jemaah Pemangku Raja ini menjalankan tugas, DYMM Tuanku Syed Putra melanjutkan perkhidmatan mereka mulai 21 September 1962 sehingga 31 Disember 1962. Perisytiharan ini dikeluarkan pada 21 September 1962.

Serentak dengan tarikh 31 Disember 1962, baginda melantik pula YTM Tengku Sulaiman ibni Tengku Bendahara Abu Bakar sebagai Pemangku Raja Perlis yang baru. YTM Tengku Sulaiman adalah menantu baginda yang mengahwini puteri sulung baginda, YTM Syarifah Salwa Binti Tuanku Syed Putra. YTM Tengku Sulaiman menjalankan tugas-tugas Pemangku Raja sehingga baginda menamatkan perkhidmatan sebagai Yang di-Pertuan Agong pada 20 September 1965.

DYMM Tuanku Syed Putra merupakan Raja Perlis yang menandatangani Perjanjian Persekutuan 1948 dan sekaligus mengesahkan kemasukan Perlis ke dalam Persekutuan Tanah Melayu. Secara teknikal, baginda menjadi Yang di-Pertuan Agong terakhir kepada Malaya. Apabila tertubuhnya Persekutuan Malaysia dengan kemasukan Sabah, Sarawak dan Singapura pada 16 September 1963, baginda juga menjadi Yang di-Pertuan Agong pertama bagi Malaysia. Ini juga bermakna baginda juga satu-satunya raja kepada Singapura dalam sejarah modennya yakni semasa Singapura masih berada dalam Persekutuan Malaysia. DYMM Tuanku Syed Putra turut menjadi tonggak kekuatan kepada seluruh Malaysia apabila negara berada dalam Konfrontasi dengan Republik Indonesia pada tahun 1965. Banyak daripada mercu tanda kemegahan negara seperti Bangunan

Parlimen, Masjid Negara, Stadium Negara, Muzium Negara dan Lapangan Terbang Subang telah dirasmikan oleh baginda sebagai Yang di-Pertuan Agong ketiga.

Baginda turut diberikan penghormatan menjadi Kolonel Yang Dipertua Pasukan Renjer Malaysia serta Canselor Universiti Sains Malaysia (USM). Pada tahun 1986, baginda memperkenankan penubuhan Yayasan Tuanku Syed Putra bagi membantu rakyat Perlis melanjutkan pelajaran. Baginda juga merupakan Raja Perlis pertama yang berangkat melawat pelbagai destinasi di seluruh dunia.

DYMM Tuanku Syed Putra mangkat pada 16 April 2000. Pemerintahan baginda selama 55 tahun mencatatkan nama baginda sebagai salah seorang raja berdaulat yang paling lama bertakhta di seluruh dunia pada zamannya. Baginda digantikan oleh anakandanya, Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail.

Raja Perlis Ketujuh : DYMM Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail (2000-kini)

DYMM Tuanku Syed Sirajuddin adalah putera DYMM Tuanku Syed Putra dengan DYMM Raja Perempuan Perlis, Tengku Budriah Binti Tengku Ismail. Baginda diputerakan pada 17 Mei 1943. DYMM Tuanku Syed Sirajuddin adalah Raja Perlis pertama yang mendapat latihan ketenteraan secara formal. Malah baginda sendiri pernah berkhidmat kepada negara sebagai pegawai tentera. Baginda dilatih sebagai prajurit menerusi Kursus Pegawai Kadet Tentera Darat di Akademi Tentera DiRaja Sandhurst, Britain. Tamat latihan di Sandhurst, baginda memulakan kerjaya ketenteraan dalam Angkatan Tentera Malaysia. Justeru pada 12 Disember 1965 baginda ditauliahkan sebagai Leftenan Muda dalam Kor Peninjau DiRaja yang kini dikenali sebagai Kor Armor DiRaja. Bermula di Rejimen Kedua Peninjau di Kem Sungala Port Dickson Negeri Sembilan, baginda seterusnya berkhidmat di Sabah pada tahun 1966 dan di Sarawak pada tahun 1967.

Pada Disember 1967, baginda dinaikkan ke pangkat Leftenan. DYMM Tuanku Syed Sirajuddin menamatkan perkhidmatan ketenteraan baginda di Pahang pada 31 Disember 1969, dengan pangkat Kapten. Hal ini dilakukan oleh baginda demi untuk menunaikan tanggungjawab sebagai Raja Muda Perlis dan mendalami selok-belok urusan pemerintahan. Baginda dilantik menjadi Raja Muda Perlis pada 30 Oktober 1960 semasa berusia 17 tahun. Ketika ini ayahanda baginda DYMM Tuanku Syed Putra sedang menjalankan tugas sebagai Yang di-Pertuan Agong ketiga bagi Malaysia. Baginda turut menjadi Pemangku Raja Perlis selama beberapa kali. Kali pertama baginda menjadi Pemangku Raja Perlis adalah dari 23 Jun sehingga 24 Oktober 1967. Dengan kemangkatan ayahanda baginda, DYMM Tuanku Syed Sirajuddin dimahsyurkan sebagai Raja Perlis ketujuh pada 17 April 2000. Istiadat pertabalan baginda pula dilaksanakan dengan penuh gilang-gemilang pada 7 Mei 2000.

Tidak lama selepas pertabalan sebagai Raja Perlis, DYMM Tuanku Syed Sirajuddin telah dipilih oleh Majlis Raja-raja Melayu sebagai Yang di-Pertuan Agong yang kedua belas bagi Malaysia. Dengan ini baginda merupakan Raja Perlis yang buat kali kedua diamanahkan menduduki takhta Yang di-Pertuan Agong. DYMM Tuanku Syed Sirajuddin menggantikan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dari Selangor yang mangkat pada 21 November 2001. Tugas ini baginda tunaikan bermula dari 13 Disember 2001 sehingga 12 Disember 2006. Oleh yang demikian semasa pemerintahan baginda sebagai Yang di-

Pertuan Agong, dua orang Perdana Menteri telah berkhidmat kepada baginda iaitu Tun Dr. Mahathir Mohamad dan Tun Abdullah Ahmad Badawi. Dalam perlantikan Menteri Besar Perlis pada tahun 2008, DYMM Tuanku Syed Sirajuddin menolak perlantikan semula Dato' Seri Dr. Shahidan Kassim sebagai Menteri Besar yang dikemukakan oleh Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia ketika itu. Sebaliknya baginda memperkenankan Dato' Seri Dr. Md. Isa Sabu menjadi Menteri Besar Perlis kelapan pada tahun 2008 (Mahathir Mohamad, 2011:806). Asas ketegasan pendirian baginda dalam hal ini adalah berpandukan bidang kuasa baginda sebagai Raja Negeri Perlis dan peruntukan-peruntukan yang termaktub dalam Undang-undang Tubuh Kerajaan Perlis. Ketegasan yang serupa juga telah dizahirkan dalam titah baginda sempena upacara mengangkat sumpah jawatan YAB Dato' Seri Azlan Man sebagai Menteri Besar Perlis kesembilan pada tahun 2013 yang lalu.

DYMM Tuanku Syed Sirajuddin menjadi ketua pelindung tertinggi kepada Agama Islam Ahli Sunnah Wal Jama'ah yang termaktub dalam Perkara 5, Undang-undang Tubuh Kerajaan Perlis. Baginda sentiasa mengambil berat akan hal-ehwal Islam dalam Negeri Perlis supaya selaras dengan manhaj Ahli Sunnah Wal Jama'ah. Di samping itu, baginda berdamping rapat dengan beberapa tokoh agama. Sebagaimana baginda pernah diamanahkan oleh ayahandanya sebagai Yang Dipertua Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs), baginda telah melantik DYTM Raja Muda Tuanku Syed Faizuddin Putra sebagai Yang Dipertua MAIPs pada 14 Disember 2001 sehingga kini.

Naluri ketenteraan yang sehati dengan jiwa baginda menjadikan DYMM Tuanku Syed Sirajuddin menyertai pasukan simpanan tentera darat yang dikenali sebagai Rejimen Askar Wataniah. Oleh yang demikian, mulai November 1970, baginda telah ditauliahkan sebagai Kapten dalam rejimen ini. Baginda seterusnya dinaikkan pangkat sebagai Kolonel dan akhirnya menjadi Komander Rejimen 504 Askar Wataniah yang memerintah pasukan yang meliputi Perlis dan Kedah. Penubuhan Rejimen 513 di Kedah menjadikan Rejimen 504 di bawah perintah baginda bemarkas di Kem Bukit Keteri. Selanjutnya sebagai Raja Perlis, baginda turut dilantik sebagai Kolonel Yang Dipertua Kor Renjer Diraja pada 19 September 2000.

Selain memperhebatkan kegiatan Yayasan Tuanku Syed Putra, DYMM Tuanku Syed Sirajuddin turut memperkenankan penubuhan Yayasan-yayasan DiRaja yang baru. Yayasan yang dimaksudkan adalah Yayasan Tuanku Syed Sirajuddin dan Yayasan Tuanku Fauziah yang memiliki skop dan fokus berbeza dalam berusaha meningkatkan taraf hidup rakyat Perlis dalam pelbagai aspek. DYMM Tuanku Syed Sirajuddin adalah juga Canselor Kedua bagi Universiti Sains Malaysia (USM) menggantikan ayahanda baginda DYMM Tuanku Syed Putra. Baginda amat berminat dengan sukan golf serta menjadi Yang Dipertua Kelab Golf Putra, Perlis. Zaman pemerintahan DYMM Tuanku Syed Sirajuddin sesungguhnya menyaksikan kemajuan Negeri Perlis mencapai suatu tahap kehebatan yang tidak pernah dimimpikan sebelumnya. Berkat daulat baginda, Negeri Perlis terus menerus mencipta kemajuan, kemakmuran dan keamanan dalam pelbagai sektor.

PENUTUP

Merenung masa hadapan Institusi Raja Perlis, DYTM Raja Muda Tuanku Syed Faizuddin Putra bagaikan permata yang bersinar. Di samping menjadi Raja Muda, baginda memikul amanah ayahandanya sebagai Tuanku Yang Dipertua MAIPs, Komander Rejimen 504 Askar Wataniah dan Pengerusi Yayasan Tuanku Syed Putra. Tanpa mengenal penat lelah, DYTM Raja Muda Tuanku Syed Faizuddin Putra berdamping rapat dengan segenap lapisan rakyat khususnya dengan pendekatan unik 'turun padang' yang baginda amalkan. Dengan izin Allah, DYTM Raja Muda Tuanku Syed Faizuddin Putra akan menjadi Raja Perlis kelapan. Kesenambungan Institusi Raja Perlis umumnya dan jurai Raja Perlis daripada keturunan DYMM Tuanku Syed Sirajuddin khususnya terus diberkati dan dirahmati Allah. Hal ini terjadi dengan keputeraan YAM Syed Sirajuddin Areeb Putra Ibni Tuanku Syed Faizuddin Putra pada 12 April 2009. Dengan izin Allah, kelak YAM Syed Sirajuddin Areeb Putra bakal menjadi Raja Perlis kesembilan. Antara kesinambungan dan perubahan, Institusi Raja Perlis akan terus mekar di negeri ini, *Insyaa-Allah*. Dengan keimanan dan ketaqwaan kepada Allah, di samping berpegang teguh kepada al-Qur'an dan al-Sunnah di atas jalan Ahli Sunnah Wal Jama'ah, keteguhan institusi Raja Perlis diperkuat dan akan terus dicemerlangkan tidak lain dengan:

- Kedaulatan Raja-raja Jamalullail Negeri Perlis
- Kebijaksanaan Pembesar Negeri Perlis
- Kesetiaan rakyat-jelata Negeri Perlis

Dirghayu Tuanku, Kekal Perintah Jamalulail!

RUJUKAN

Ahmad Ismail dan Yazid Mat (1992), *Perlis Indera Kayangan : Sejarah Pembentukan Sebuah Negeri Berdaulat*. Kangar: Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis.

Hazman Hassan & Mohd. Radzi Othman (2013), *Raja Sebagai 'Uil 'Amri Dan Tradisinya Di Negeri Perlis: Perspektif Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*. dalam *Prosiding Seminar Institusi Raja (SIRaj)*. Kangar: Pusat Kajian Institusi Raja Malaysia, Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP).

Laman web rasmi Raja Perlis di www.perlisroyalty.gov.my , seperti yang diakses pada 1 Jun 2014

Mahathir Mohamad (2011), *A Doctor In The House: The Memoirs Of Tun Dr. Mahathir Mohamad*. Petaling Jaya: MPH Group Publishing.